

Kejuaraan ubati kegagalan lalu

UniSZA A tawaskan Gelombang FC A untuk rangkul gelaran juara Futsal Terbuka 2015

SINAR HARIAN
24/12/2014

■ ZUBIR SULAIMAN

KUALA TERENGGANU – Aksi mantap yang dipamerkan pasukan futsal Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) A sepanjang Kejohanan Futsal Terbuka 2015 membolehkan mereka muncul sebagai juara.

UniSZA A mengalahkan Gelombang FCA melalui penentuan sepakan penalti 3-2 pada aksi final di Gelanggang Futsal Hazlan Indoor Soccer, Batu Burok, di sini, dan selaku juara, UniSZA A membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 berserta Piala Mohamad Izham Tarmizi Roslan.

Sementara itu, Geombang FC A membawa pulang ha-



Pasukan futsal UniSZA A dinobatkan sebagai juara pada Kejohanan Futsal Terbuka 2015 selepas menundukkan Gelombang FC A, 3-2 melalui penentuan sepakan penalti.

diah wang tunai RM 1,500, manakala Gelombang FC B dan C berkongsi kedudukan di tempat ketiga dan masing-masing meraih RM500.

Hadiah disampaikan sendiri oleh penganjur kejohanan, iaitu penjaga gawang Johor Darul Ta'zim (JDT), Mohamad Izham Tarmizi.

Pengendali UniSZA A, Zulharisam Awang berkata, kejayaan itu adalah hasil kerja keras skuad dilatih oleh Zulkarnain Majid, Mohd Arzuan Zainuddin, Sham Shahril Ghulam, Mohd Faisal Sulaiman, Mohd Zaid Mazalan, Mohd Noradnan Mohamad dan Mohd Hafiz Musa pada sesi latihan serta sepanjang kejohanan.

Menurutnya, matlamat

“Saya sangat bersyukur dan gembira dengan komitmen ditunjukkan pemain sehingga berjaya meraih gelaran juara. Kejayaan ini dapat mengubah sedikit kekecewaan kami apabila sekadar meraih tempat ketiga dalam Kejohanan Sukum 2015, di Shah Alam, dua bulan lalu.” - Zulharisam

Kejayaan ini dapat mengubah sedikit kekecewaan kami apabila sekadar meraih tempat ketiga dalam Kejohanan Sukum 2015, di Shah Alam, dua bulan lalu,” katanya.

Pengurus pasukan UniSZA, Faziallah Mamat menyifatkan kemenangan berjaya meraih gelaran juara.

berkenaan sebagai suntikan semangat kepada UniSZA A bagi mengharungi beberapa kejohanan yang akan disertai termasuk Sukum 2016.

“Kejayaan ini juga merupakan hasil sokongan dan dorongan yang diberikan oleh pihak pengurusan universiti-

ti dalam memastikan warga kerja UniSZA turut cemerlang dalam bidang sukan sehingga ke peringkat tertinggi,” katanya.

Kejohanan Futsal Terbuka 2015 berlangsung selama sehari dengan disertai 84 pasukan.